

Cabaran perang antikeganasan pada Ramadan

Malang sekali kesucian Ramadan kali ini dicemari rentetan peristiwa keganasan memanipulasi nama Islam dan istilah 'jihad'. Tidak cukup dengan serangan di Manchester, Jakarta dan Marawi, gerakan Daesh kini meningkatkan pula operasi di Barat, dengan London jadi sasaran.

Parlimen London pernah jadi sasaran dengan 29 orang dirawat di hospital, manakala lima lagi maut termasuk penyerang, Khalid Masood. Agensi perisikan dan keselamatan United Kingdom (UK), MI5 (Military Intelligence, Section 5) yang terkenal pun tiga kali dibolosi dalam masa setahun.

Serangan di Marawi pula didorong usaha pihak berkuasa Filipina cuba menangkap pemimpin Daesh, antara penganas paling dikehendaki, iaitu Isnilon Hapilon. Gabungan Daesh, Abu Sayyaf dan Maute di selatan Filipina tidak boleh dipandang enteng, terutama apabila mereka memperoleh sokongan penentang dari luar negara, termasuk Malaysia.

Imej Islam terus dirosakkan de-

ngan tindakan menawan orang awam dan mencerooboh gereja bagi menjadikan mereka perisai manusia. Jakarta turut tidak sunyi daripada serangan Daesh apabila pejabat polis di Kampung Melayu menjadi sasaran pengebom bunuh diri sebelum ini. Jelas, situasi sebegini turut menggugat ASEAN yang rancak menuju Komuniti ASEAN.

Tiga iktibar

Peristiwa sebegini memberikan kita tiga iktibar iaitu peningkatan keupayaan ketenteraan tidak boleh diabaikan, kerjasama erat dengan negara lain perlu sentiasa diperkemaskan dalam pelbagai dimensi dan pencegahan pada peringkat ideologi. Antara sarjana Melayu yang jadi tumpuan dalam aspek pencegahan di peringkat ideologi ini ialah Datuk Dr Afifi Al-Akiti (Sheikh Afifi), Pensyarah Pengajian Islam di Fakulti Teologi, Universiti Oxford.

Beliau juga Felo Pengajian Islam di Oxford Center for Islamic Studies. Beberapa hari selepas peristiwa pengeboman di London

pada Julai 2005, Sheikh Afifi menarang *Defending the Transgressed by Censuring the Reckless against the Killing of Civilians* (*Mudafi' al-Mazlum bi-Radd al-Muhamil 'ala Qital Man La Yuqatil*), karya menentang cubaan mempengaruhi umat Islam British melancarkan pembunuhan mahupun memerangi Kerajaan Britain.

Serangan di London kali ini turut mengundang kritikan hebat Datuk Bandar London yang juga seorang Muslim, Sadiq Khan. Pendirian beliau yang prodialog antara agama mengundang rasa tidak senang ekstremis Islam dan juga anti-Islam. Dari perspektif lebih makro, serangan di London ini bukan sahaja mengimpak kepada ketakutan (dan kebencian) kepada Islam dan penganutnya di UK, tetapi juga bakal beri kekuatan kembali kepada gerakan ultrasayap kanan yang anti-Islam dan antipendatang di Eropah seperti di Jerman, Perancis dan Belanda selepas gerakan itu tewas pada pilihan raya, baru-baru ini.

Dalam keadaan Daesh di Iraq dan Syria semakin tertekan de-

ngan serangan pelbagai penjuru dari Russia, Syria dan Turki, kemungkinan ada anggotanya lari ke negara asal – termasuk di rantau Nusantara – tidak boleh dipandang enteng. Di Malaysia, kita tidak kekurangan institusi berskala antarabangsa untuk menggerakkan usaha pencegahan ini, seperti Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT) di bawah Kementerian Luar dan terkini penubuhan King Salman Centre for International Peace (KSCIP) membabitkan Kementerian Pertahanan. Demikian juga dengan potensi Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global (GMMF).

Selain elemen pencegahan peringkat ideologi, elemen kebersamaan dengan kerjasama membabitkan negara lain juga penting. Maka relevanlah pendekatan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein menegaskan kepentingan diplomasi ketenteraan, di samping pembangunan kapasiti kerjasama peringkat serantau dan juga antarabangsa.

Komentari



Abdul Muein Abadi

Pensyarah Program Sains Politik
Universiti Kebangsaan Malaysia
(UKM)